

UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PENGGANTIAN 6 UNIT

CHILLER DAN LAIN-LAIN KOMPONEN DI CHILLER

PLANTROOM DI BAWAH PROGRAM AUDIT TENAGA,

RETROFIT DAN PENGURUSAN TENAGA, TEKNOLOGI

HIJAU DAN AIR (KeTTHA)

KOMPLEKS KEMENTERIAN KERJA RAYA

23 OKTOBER 2017

YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan
Kementerian Kerja Raya

YBrs. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra

Pegawai Kanan Kementerian, Ketua-Ketua Agensi dan semua warga
Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

Wakil daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
En. Izzanee Bin Mohd Ishak

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
1Malaysia dan Salam Negaraku Malaysia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhana Wa Ta'ala kerana dengan izin
dan limpah kurniaNya kita dapat berada di Majlis Penyerahan Projek
Penggantian Enam (6) Unit *Chiller* di bawah Program Audit Tenaga ,
Retrofit dan Pengurusan Tenaga, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau
dan Air (KeTTHA) di Kompleks Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang telah memilih Kementerian Kerja Raya sebagai bangunan Kerajaan bagi Program Audit Tenaga dan Pengurusan Tenaga dibawah Rolling Plan 2 (RP2) Tahun 2017 Rancangan Malaysia Ke-11. Diharapkan projek ini akan dijadikan menjadi contoh atau ***Leading by Example*** kepada Agensi Kerajaan yang lain untuk berusaha ke arah penggunaan tenaga dalam bangunan yang lebih cekap. Ini sejajar dengan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan untuk mengurangkan pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar. Projek ini juga adalah salah satu projek yang akan memberi impak kepada pengurangan gas karbon dioksida sejajar dengan komitmen Malaysia di Persidangan Parti Ke 21 (COP21) Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) pada tahun 2015, untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau

(GHG) relatif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 45% menjelang tahun 2030.

3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia serta Cawangan – Cawangan JKR yang terlibat seperti Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan dan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal yang telah memberikan banyak sumbangan dalam melaksanakan projek ini. Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek ini Jabatan Kerja Raya akan lebih bersemangat dalam memastikan pencapaian kualiti projek pada masa akan datang seiring dengan visi Kementerian Kerja Raya “Peneraju Pembangunan Infrastruktur dan Industri Pembinaan Negara Yang Terunggul.” Kita perlu mempelopori dan mengungguli teknologi lestari terkini dalam industri pembinaan agar kita bukan sahaja sentiasa relevan, malah menjadi **‘The Preferred Implementation Agency.’** Kita perlu menekankan pematuhan kepada aspek kejuruteraan dan teknikal dalam membangunkan semua negara yang maju lagi lestari dan peranan Jabatan Kerja Raya dalam membangun, mencorak dan

menerapkan amalan Kejuruteraan terbaik dalam pelaksanaan projek seiring dengan Program Transformasi Negara (GTP) sebagaimana saranan YAB Perdana Menteri yang menetapkan Tahun 2017 sebagai "**Tahun Penyampaian**".

Para Hadirin Yang Dihormati,

4. Penerapan dan Pelestarian Tenaga Hijau juga merupakan agenda penting dalam Kementerian Kerja Raya. Pada tahun 2015, kementerian telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang menjadikan sumber daya tenaga sebagai sebahagian daripada 2 teras utama transformasi sektor pembinaan di Malaysia iaitu di bawah Teras Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme dan Teras Kemampunan Alam Sekitar. Di bawah pelan transformasi 5 tahun ini, adalah menjadi sasaran Kementerian Kerja Raya untuk memastikan sektor pembinaan di Malaysia mencapai tahap yang mana antaranya 100% projek infrastruktur dan bangunan yang besar akan mengatasi keperluan kemampunan pada tahun 2020, pada masa yang sama berjaya

mengurangkan 4 metrik tan pelepasan karbon dioksida setiap tahun.

5. Pelan transformasi sektor pembinaan ini juga diperkasa dengan pengwujudan skim Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya (pH JKR) dan *Malaysian Carbon Reduction & Environment Sustainability Tool* (MyCREST). Skim pH JKR merupakan satu skim penarafan pembangunan lestari bagi kegunaan projek-projek kerajaan yang dibangunkan sendiri oleh Jabatan Kerja Raya bagi projek bangunan atau jalan. Projek-projek yang dilaksanakan di bawah skim ini akan mengambil kira elemen-elemen teknologi hijau seperti penerapan rekabentuk cekap tenaga di dalam bangunan baru, penggunaan IBS dan penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan. Manakala MyCrest yang dibangun dan dilaksanakan oleh CIDB memfokus kepada skim penarafan hijau yang telah menggabungkan pH JKR dan GreenPASS CIDB untuk semua kategori bangunan. Skim penarafan MyCrest ini mengukur kuantiti pengeluaran karbon yang sebenar pada setiap peringkat kitaran

hayat bangunan terutamanya di peringkat rekabentuk, pembinaan atau operasi dan penyelenggaraan.

6. Saya dimaklumkan bahawa dengan penggantian 6 unit chiller dan komponennya di chiller plantroom ini, sasaran penjimatan penggunaan tenaga sebanyak 33% daripada jumlah tenaga sedia ada akan dapat memberi pengurangan kos penggunaan tenaga sebanyak RM355,164.74 setahun. Jumlah yang besar ini bukan hanya memberikan impak yang signifikan kepada penjimatan kos tetapi juga pengurangan pelepasan karbon dioksida yang dijangka akan mencecah kepada 552 tan setahun. Usaha dan komitmen ini perlu diterus dan dipertingkatkan selaras dengan hasrat kita menjadi model pembangunan infrastruktur mampan kepada negara membangun di rantau ini. Disamping itu juga, dengan penggantian 6 unit chiller dan komponennya di Kompleks Kementerian Kerja Raya yang baru dilaksanakan ini memberi impak yang positif kepada penurunan bacaan Building Energy Index (BEI) yang mana bacaan maksimum yang pernah dicatatkan adalah pada tahun 2011 iaitu sebanyak 194kWh/m²/year.

Manakala pada bulan Oktober 2017 selepas kerja-kerja naiktaraf dilaksanakan bacaan BEI terkini yang dicatatkan adalah sebanyak 140kWh/m²/year ini merupakan pencapaian terbaik KKR. Untuk makluman juga sasaran KKR menjelang tahun 2020 bacaan bagi BEI adalah bawah paras 135 kWh/m²/year.

Para Hadirin Sekalian,

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Syarikat KCJ Engineering Sdn. Bhd. kerana telah berjaya menyiapkan projek lebih awal daripada jadual. Segala usaha, komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh pihak kontraktor adalah faktor penting bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual. Saya juga dimaklumkan bahawa projek ini juga melibatkan seramai 11 (sebelas) orang anak jati Sarawak yang berdedikasi dan gigih berusaha dalam menyiapkan projek ini 89 hari lebih awal daripada tarikh asal penyerahan projek. Syabas sekali lagi diucapkan. Diharapkan pihak kontraktor dapat mengekalkan

prestasi ini untuk lain-lain projek yang diamanahkan dimasa akan datang.

8. Saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan projek ini dari peringkat perancangan sehingga penyerahan. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat membuktikan bahawa segala permasalahan boleh diatasi sekiranya kita memahami objektif dan bersatu dalam mencapai objektif tersebut.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh